

DEFINISI AHL AL - SUNNAH WA AL - JAMĀ'AH: SATU ANALISIS

Oleh:

Engku Ahmad Zaki Bin Engku Alwi*

Abstract

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah has been practiced by Muslim society since a long time ago in their ways of life especially in theology. Nonetheless, Muslim society are still misunderstanding the facts of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. This article attempts to analyse the definition of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah and its development in Islamic theology. Several issues regarding Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah are also briefly discussed.

PENDAHULUAN

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah satu mazhab yang menjadi anutan rasmi umat Islam dalam aspek akidah, ibadat dan akhlak. Walaupun begitu, masih terdapat sebahagian umat Islam yang terkeliru tentang hakikat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sehingga menimbulkan polemik di kalangan mereka golongan manakah yang termasuk di dalam kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Artikel ini akan mengupas persoalan hakikat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berdasarkan fakta-fakta dan hujah-hujah yang akademik.

ISTILAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH

Dari sudut sejarah, tidak diketahui dengan tepat tarikh kemunculan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, begitu juga tentang tokoh yang mula memperkenalkan nama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Kemunculannya sangat jauh berbeza dalam beberapa variasi. Ia berbeza daripada aliran Syiah

* Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi (PhD) adalah Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman, Kampus KUSZA, Terengganu dan merupakan Timbalan Dekan fakulti tersebut.

dan Khawarij kerana kemunculan kedua-dua golongan ini bermotifkan politik terutama sekali politik kepimpinan umat Islam. Oleh itu golongan Syiah dan Khawarij boleh dikatakan sebagai dua buah parti siasah agama yang terawal lahir di dalam sejarah umat Islam. ¹

Menurut Syeikh al-Islām Ibn Taymiyyah (m. 728 H), mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah mazhab yang telah sedia ada semenjak dahulu lagi dan sudahpun dikenali sebelum kemunculan Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Shāfi‘ī dan Aḥmad. Ia adalah mazhab para sahabat yang bersumber daripada Nabi s.a.w.. Mereka bersepakat mengatakan bahawa ijma‘ para sahabat itu adalah hujah tetapi mereka berselisih pendapat tentang ijma‘ generasi selepas sahabat. ²

Ibn ‘Abbās (r.a.) pernah menyebut istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ketika beliau mentafsirkan firman Allah SWT. Yang bermaksud:

*(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam.*³

Dalam ayat tersebut, Ibn ‘Abbās mentafsirkan muka orang-orang yang menjadi putih berseri itu ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan golongan ulama’, manakala muka orang-orang yang menjadi hitam legam ialah ahli-ahli bid‘ah yang sesat. ⁴

¹ Abdul Shukor Hussein, Prof. Dr. (1998), *Ahli Sunnah wal Jamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbitan UKM, h. 14.

² Ibn Taymiyyah, Abū al-‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad b. ‘Abd al-Ḥalīm (1986), *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah*. J.2., Muḥammad Rashād Salīm (taḥqīq), t.t.p.: Muassāsah Qurṭubah, h. 601.

³ Surah Āli ‘Imrān 3:106.

⁴ ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘īl b. ‘Amrū b. Kathīr al-Baṣarī al-Dimashqī (1988), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j. 2. Kaherah: Dār al-Ḥadīth. h. 76; Abū Muḥammad al-Ḥusayn b. Mas‘ūd al-Farra’ al-Baghawī al-Shāfi‘ī (1987), *Tafsīr al-Baghawī al-Musammā Ma‘ālim al-Tanzīl*, j. 1. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 339; Abū al-Qāsim Ḥibah Allāh ibn al-Ḥasan b. Manṣūr al-Ṭabarī al-Lālikā’ī (2001), *Sharḥ Uṣūl I’tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. j. 1. Iskandariah: Dār al-Baṣīrah, h. 72 – 73 .

Ayyūb al-Sikhtiyānī (m. 131H)⁵ pernah berkata: “Apabila sahaja aku mendengar berita kematian seorang lelaki daripada golongan Ahl al-Sunnah seolah-olah aku kehilangan sebahagian anggota tubuh badanku.”⁶ Sufyān al-Thawrī (m. 161H)⁷ pula pernah berkata: “Hendaklah kamu berbuat baik kepada Ahl al-Sunnah kerana mereka adalah golongan pedagang.” Beliau juga berkata : “Alangkah sedikitnya golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.”⁸

Al-Fuḍayl ibn ‘Iyād (m. 187H)⁹ pernah berkata: “Golongan Murji’ah berpendapat iman itu ialah pengucapan kata-kata tanpa amalan; Jahmiyyah pula berpendapat iman itu ialah makrifah tanpa pengucapan kata-kata dan amalan; dan Ahl al-Sunnah pula berpendapat iman itu ialah makrifah, pengucapan kata-kata dan amalan.¹⁰ Abū ‘Ubayd al-Qāsim b. Sallām (m. 224H)¹¹ menyatakan dalam mukadimah kitabnya yang bertajuk *al-Īmān* berkenaan pegangan yang wajib diikuti dalam mendalami ilmu akidah ialah pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.¹²

Aḥmad b. Ḥanbal (m. 241H) pula menyatakan dalam mukadimah kitabnya *al-Sunnah*: “Inilah mazhab ahli ilmu, *aṣḥāb al-āthar* dan *ahl al-sunnah* yang berpegang teguh pada al-Sunnah yang dikenali jejak langkahnya serta

⁵ Beliau ialah Ayyūb b. Abī Tamīmah Kaysān Abū Bakr al-Baṣarī; lahir pada tahun 68H; al-Sikhtiyānī adalah bahasa Parsi yang bermaksud bulu biri-biri yang telah disamak dan beliau adalah seorang penjual bulu biri-biri tersebut, oleh sebab itu beliau diberikan gelaran al-Sikhtiyānī; seorang tokoh ulama *tābi‘īn* yang terkenal dalam bidang fiqh dan hadith; meninggal di Basrah pada tahun 131H.

⁶ Al-Lālikā’ī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 60 – 61.

⁷ Beliau ialah Sufyān b. Sa‘īd b. Masrūq b. Ḥabīb Abū ‘Abd Allāh al-Thawrī al-Kūfī; dilahirkan di Kufah pada tahun 97H ; seorang tokoh ulama *Tabi‘ al-Tabi‘īn* yang terkenal dalam bidang fiqh, hadith dan tasawuf; meninggal di Basrah pada tahun 161H.

⁸ Al-Lālikā’ī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 64.

⁹ Beliau ialah al-Fuḍayl b. ‘Iyād b. Mas‘ūd b. Bishr al-Tamīmī; dilahirkan di Khurasan pada tahun 107H; seorang tokoh ulama dalam bidang hadith dan fiqh serta terkenal dengan kewarakannya; meninggal di Mekah pada tahun 187H.

¹⁰ Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1402H), *Tahdhīb al-Āthār*. Naṣīr Sa‘d al-Raṣhīd dan ‘Abd al-Qayyūm ‘Abd Rabb al-Nabī (tah), j. 2. Mekah: Maṭābi‘ al-Ṣafā, h. 182.

¹¹ Beliau ialah Abu ‘Ubayd al-Qāsim Ibn Sallām; lahir di Harrah pada tahun 157H; seorang tokoh ulama dalam bidang bahasa Arab dan hadith serta banyak menghasilkan kitab; meninggal pada tahun 224H.

¹² Abu Ubayd al-Qāsim b. Sallām (t.t.), *al-Īmān*. Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī (tah.) bersama kitab *Min Kunūz al-Sunnah Rasā’il Arba‘*. Damsyik: Maṭba‘ah al-‘Umūmiyyah, h. 53.

menjadi ikutan umat bermula daripada para sahabat Nabi s.a.w. hinggalah ke hari ini.¹³

Fakta-fakta di atas menjelaskan bahawa istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sudah pun dikenali dan digunakan di kalangan para sahabat dan juga ulama salaf. Fakta tersebut menolak sama sekali pendapat Muṣṭafā al-Shak'ah yang menyatakan bahawa penamaan Ahl al-Sunnah pada mulanya ditujukan secara khusus kepada golongan al-Ashā'irah dan sesiapa yang mengikuti jejak golongan tersebut, kemudian skop Ahl al-Sunnah mula meluas sehingga meliputi pengasas mazhab dan ulama-ulama fekah seperti al-Shāfi'ī, Mālik, Abū Ḥanīfah, Aḥmad b. Ḥanbal, al-Awza'ī dan lain-lain.¹⁴ Beliau juga mendakwa bahawa penamaan Ahl al-Sunnah hanya muncul pada kurun ke-7H.¹⁵

Padahal, kurun ke-3H. telah menyaksikan perkembangan ilmu kalam yang dipelopori oleh Ahl al-Ḥadīth. Pada ketika itu, telah terhasil beberapa kitab yang mewakili mazhab Ahl al-Sunnah seperti *Khalq Af'āl al-'Ibād*¹⁶, *al-Ikhtilāf fī al-Lafẓ*¹⁷ dan kitab-kitab¹⁸ yang dikarang oleh al-Dārimī.¹⁹ Jelas daripada kelahiran kitab-kitab tersebut, wujudnya aliran ilmu kalam di kalangan Ahl al-Ḥadīth yang akhirnya terbentuk sebagai satu *firqah* sebagai lawan kepada *firqah* al-Jahmiyyah, al-Mu'tazilah dan al-Khawarij. Setelah itu, mereka dikenali sebagai Ahl al-Ḥadīth dan Ahl al-Sunnah.²⁰

¹³ Aḥmad b. Ḥanbal (t.t.), *al-Īmān*, bersama *kitāb al-Radd 'alā al-Jahmiyyah*. Kaherah: Maṭba'ah 'Īsā al-Bābī al-Halābī, h. 33 – 34.

¹⁴ Muṣṭafā al-Shak'ah (1979), *Islām bilā Madhāhib*. Kaherah: al-Dār al-Miṣriyyah al-Labnāniyyah, h. 469.

¹⁵ *Ibid.*, h. 390.

¹⁶ Kitab *Khalq Af'āl al-'Ibād* dikarang oleh al-Bukhārī. Beliau ialah Muḥammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm b. al-Mughīrah Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī; dilahirkan pada tahun 194H di Bukhara; seorang tokoh ulama yang pakar dalam bidang hadith dan terkenal dengan kitab *al-Jami' al-Ṣaḥīḥ*; meninggal pada tahun 256H di Samarqand.

¹⁷ Kitab *al-Ikhtilāf fī al-Lafẓ* dikarang oleh Ibn Qutaybah. Beliau ialah 'Abd Allāh b. Muslim b. Qutaybah al-Dinūrī; dilahirkan pada tahun 213H di Baghdad; seorang tokoh ulama dalam bahasa Arab, ulum al-Qur'an dan ulum al-Hadith; banyak menghasilkan kitab dalam pelbagai disiplin ilmu Islam; meninggal pada tahun 276H di Baghdad.

¹⁸ Kitab-kitab tersebut ialah *al-Radd 'alā al-Jahmiyyah* dan *Radd al-Imām al-Dārimī 'Uthmān ibn Sa'īd 'alā Bishr al-Muraysī al-'Anīd*.

¹⁹ Beliau ialah 'Uthmān b. Sa'īd b. Khālīd b. Sa'īd al-Sijistānī; dilahirkan pada tahun 200H; seorang tokoh ulama dalam bidang hadith dan fiqh; meninggal pada tahun 280H.

²⁰ 'Alī Sāmī al-Nashar, Dr. (1954), *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*, j. 1. Mesir: Dār al-Ma'ārif, h. 261.

Aḥmad Amīn pula menegaskan bahawa penamaan Ahl al-Sunnah sudah pun wujud sebelum al-Ash'arī dan al-Māturīdī lagi iaitu kepada satu golongan yang menamakan diri mereka sebagai Ahl al-Sunnah bagi menolak hujah-hujah al-Mu'tazilah.²¹

Kesimpulannya, asas pengenalan kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah boleh dilihat melalui keiltizaman mereka dengan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama mengatasi yang lain. Di samping itu mereka memandang tinggi kepada generasi sahabat, tābi'in dan tokoh-tokoh ulama' hadith kerana melalui jaluran ini ilmu-ilmu agama dapat dipelajari serta diyakini.²²

DEFINISI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH

Para ulama, telah berusaha untuk untuk mencari golongan manakah yang dimaksudkan dengan *al-Jamā'ah*²³ iaitu golongan yang terselamat sebagaimana dijelaskan dalam hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى إِحْدَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً فَهَلَكَتْ سَبْعُونَ فِرْقَةً وَخَلَصَتْ فِرْقَةٌ وَاحِدَةٌ وَإِنَّ أُمَّتِي سَتَفْتَرِقُ عَلَى اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً فَتَهْلِكُ إِحْدَى وَسَبْعِينَ وَتَخْلُصُ فِرْقَةٌ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ تِلْكَ الْفِرْقَةُ قَالَ الْجَمَاعَةُ الْجَمَاعَةُ

²¹ Aḥmad Amīn (1980), *Zuhr al-Islām*, j. 4. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 96.

²² Abū al-Ḥasan 'Alī b. Ismā'īl al-Ash'arī (1409H), *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, h. 52.

²³ Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menyeru umat Islam agar bersatu di bawah satu jemaah dan melarang umatnya daripada berpecah belah. Antara ayat tersebut ialah yang bermaksud:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai. Surah Āli 'Imrān 3:103.

Dan yang bermaksud:

Bahawasanya orang-orang yang menceraikan agama mereka (dengan perselisihan-perselisihan yang berdasarkan hawa nafsu) dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikit pun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada hari kiamat kelak) apa yang telah mereka lakukan (dan membalasnya). Surah al-An'ām 6:159.

Maksudnya :

Dari Anas b. Mālik bahawa Rasulullah s.a.w. bahawa Bani Israil telah berpecah kepada 71 golongan. 70 golongan telah hancur binasa dan satu golongan lagi terselamat. Sesungguhnya umatku juga akan berpecah kepada 72 golongan dan 71 golongan akan hancur binasa. Satu golongan lagi akan terselamat. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah golongan yang terselamat itu? Baginda s.a.w. menjawab: Al-Jamā'ah, al-Jamā'ah.²⁴

Secara umumnya pendapat para ulama berhubung dengan *al-Jamā'ah* adalah seperti berikut :

1. Golongan teramai (*al-Sawād al-A'zam*) daripada umat Islam. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَجْمَعُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أُمَّرَ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ أَبَدًا إِتَّبِعُوا السَّوَادَ الْأَعْظَمَ يَدُ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ مَنْ شَدَّ شَدًّا فِي النَّارِ .

Maksudnya :

Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya. Hendaklah kamu mengikuti al-Sawād al-A'zam. "Tangan" Allah bersama-sama dengan al-Jamā'ah. Sesiapa yang menyendiri dia akan menyendiri di dalam neraka.²⁵

Maksud istilah *al-Sawād al-A'zam* itu adalah sekumpulan majoriti orang yang berhimpun mentaati pemerintah dan menurut jalan yang lurus.²⁶ Pendapat ini dinukilkan daripada Abū Ghālib yang menyatakan bahawa *al-Sawād al-A'zam* itu merupakan golongan yang selamat daripada perpecahan. Urusan agama yang mereka sepakati itu ialah *al-ḥaqq*. Sesiapa yang menyalahi mereka, maka dia mati dalam keadaan jahiliah sama ada apa yang mereka perselisihkan itu

²⁴ Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Bāqī Musnad al-Mukthirīn, Bāb Musnad Anas b. Mālik, j. 3, no. Hadith: 12022, h. 98; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Umam, j. 2, no. Hadith: 3993, h. 1332.

²⁵ Al-Ḥākim Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. 'Abd Allāh al-Naysābūrī (t.t.), *al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*. j. 1. Ḥalab: Maktab al-Maṭbū'at al-Islāmiyyah, h. 114.

²⁶ Majd al-Dīn al-Mubārak b. Muḥammad Ibn al-Athīr (1979), *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 419.

merupakan suatu perkara daripada syariat atau tentang imam dan pemerintah mereka kerana ia menyalahi *al-ḥaqq*.²⁷

Berdasarkan kenyataan ini, termasuk dalam pengertian *al-Jamā'ah* itu ialah golongan mujtahid umat, para ulama dan juga pendukung syariat yang beramal dengannya. Golongan yang selain daripada mereka ini juga termasuk di dalam kalangan mereka apabila mereka menuruti jejak mereka. Sesiapa sahaja yang keluar daripada jemaah mereka, maka dia merupakan golongan menyeleweng yang terjatuh dalam perangkap syaitan. Begitu juga ahli bid'ah kerana amalan mereka itu bercanggah dengan amalan golongan yang terdahulu daripada umat ini. Oleh kerana itu dalam keadaan apa sekalipun mereka itu tidak termasuk dalam golongan *al-Sawād al-A'zam*.²⁸

2. Golongan ahli ilmu, ahli fiqh dan ahli hadith dari kalangan ulama mujtahidīn. Ini adalah kerana Allah telah menjadikan para imam mujtahid itu sebagai hujah ke atas makhluk dan makhluk menerima ajaran mereka dalam urusan agama.²⁹ Merekalah golongan yang dimaksudkan melalui sabda Rasulullah s.a.w. :

لَا يَجْمَعُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أُمَّرَ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ أَبَدًا

Maksudnya :

*Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya.*³⁰

3. Para sahabat Rasulullah s.a.w. secara khusus, tidak termasuk generasi yang datang selepas mereka. Ini kerana mereka telah menegakkan tiang agama dan meneguhkan sendi-sendinya. Mereka juga merupakan golongan yang tidak pernah berhimpun di dalam perkara-perkara yang sesat.³¹ Pendapat ini juga menepati riwayat *al-Jamā'ah* yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith :

مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

²⁷ Al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm b. Mūsā b. Muḥammad (1988), *al-I'tiṣām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 448 – 449.

²⁸ *Ibid.*, h. 449 .

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Al-Ḥākīm (t.t.), *al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*, Kitāb al-Fitan wa al-Malāḥim. j. 4. h. 507.

³¹ Al-Syāṭibī (1988) , *op. cit.*, h. 450.

Maksudnya :

*Mereka yang mengikuti jalan hidupku dan juga para sahabatku.*³²

4. Golongan Ahl al-Islām apabila mereka mendukung perintah syarak atau golongan Ahl al-Ijmā‘ yang bersepakat di atas satu-satu perkara sama ada ia melibatkan hukum syarak atau iktikad.³³ Pendapat ini disimpulkan daripada hadith :

لَا يَجْمَعُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أُمَّرَ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ أَبَدًا

Maksudnya :

*Allah tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan selama-lamanya.*³⁴

5. Golongan umat Islam yang mengikuti seorang pemimpin. Ini merupakan pendapat al-Ṭabarī yang menegaskan bahawa apa yang disebutkan di dalam hadith yang menyatakan kewajipan berjemaah ialah ketaatan orang yang mengangkat seorang pemimpin. Maka sesiapa yang melanggar baiahnya, dia terkeluar daripada al-Jamā‘ah.³⁵

Setelah menyatakan pendapat-pendapat tersebut, akhirnya al-Shāṭibī (m. 790 H) membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-Jamā‘ah* itu ialah bersatu di bawah kepimpinan seorang imam yang berpegang teguh pada kitab Allah dan Sunnah RasulNya. Oleh yang demikian jelas bahawa bersatu di atas yang lain daripada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya bermakna terkeluar daripada pengertian *al-Jamā‘ah* sebagaimana yang difahami dalam hadith berkenaan.³⁶

Ringkasnya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan generasi para sahabat dan tābi‘īn yang bersatu mengikuti kebenaran yang jelas daripada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w.³⁷ Dalam erti kata lain, apa-apa sahaja yang datang daripada Rasulullah s.a.w. dan juga sirah para sahabat (r.a.) merupakan satu kebenaran yang wajib diikuti dan diteladani. Setiap orang

³² Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Īmān ‘an Rasūlillāh, Bab Mā Jā’a fī Iftirāq Hādhihi al-Ummah, j. 5, no. Hadith: 2641, h. 26 .

³³ Al-Shāṭibī (1988), *op. cit.*, h. 451.

³⁴ Al-Ḥākim (t.t.) *op. cit.* j. 4, h. 507.

³⁵ Al-Shāṭibī (1988), *op. cit.*, h. 451.

³⁶ *Ibid.*, h. 452.

³⁷ Muḥammad Khalīl Harrās (2001), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Wasīṭiyah*. Riyāḍ, Saudi Arabia: Dār al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 95.

yang datang selepas mereka dengan menjejak jalan mereka dan mengikuti sunnah mereka, maka dia adalah termasuk dalam golongan *al-Jamā'ah*, baik secara individu mahupun secara berjemaah.³⁸

Al-Bukhārī (m. 256H)³⁹ pula berpendapat *al-Jamā'ah* merujuk kepada ahli ilmu, ahli fiqh dan ahli hadith daripada kalangan *Imām Mujtahidīn*. Ini adalah kerana Allah SWT. telah menjadikan mereka sebagai hujah ke atas manusia dan mereka juga menjadi rujukan dalam urusan agama.⁴⁰

Al-Tirmidhī (m. 279H)⁴¹ pula menyatakan bahawa para ulama' menafsirkan *al-Jamā'ah* dengan ahli fiqh dan ahli hadith. Al-Tirmidhī juga menyebut riwayat daripada Ibn al-Mubārak (m. 181H)⁴² yang menegaskan bahawa *al-Jamā'ah* itu ialah Abū Bakr al-Ṣiddīq dan `Umar al-Khaṭṭāb. Kemudian beliau ditanya lagi: Abū Bakr dan `Umar sudah lama meninggal. Ujar beliau: Si polan dan si polan. Dikatakan lagi: Si polan dan si polan juga sudah meninggal. Jawab beliau: Abū Ḥamzah al-Sakrī adalah *Jamā'ah*.⁴³

Al-Baghdādī (m. 429 H) telah menentukan klasifikasi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepada lapan golongan iaitu:

- i. golongan yang berkeyakinan sahih dalam bab keesaan Allah, kenabian, hukum-hakam *wa'd* dan *wa'id*, ganjaran pahala dan balasan azab, syarat-syarat ijthad dan imamah. Mereka ini termasuk

³⁸ al-Miṣrī, Muḥammad 'Abd al-Hādī (1413H), *Ma'ālim al-Intilāqah al-Kubrā 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Riyaḍ: Dār al-Waṭan, h. 49.

³⁹ Beliau ialah Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'il al-Bukhārī al-Ja'fī; *Amīr al-Mu'minīn* dalam bidang ilmu hadith; penyusun kitab terkenal *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*; dilahirkan pada tahun 194H dan meninggal pada tahun 256H.

⁴⁰ Aḥmad b. 'Alī b. Muḥammad b. Muḥammad al-'Asqalānī al-Ma'rūf bi Ibn Ḥajar (t.t.), *Faṭḥ al-Bārī*, j. 13, Beirut: Dār al-Fikr, h. 27.

⁴¹ Beliau ialah Muḥammad b. 'Isā b. Thawrah b. Mūsā Abū 'Īsā al-Tirmidhī; lahir di Tirmidh pada tahun 209H, pakar dalam ilmu hadith; penyusun kitab hadith *al-Jāmi' al-Kabīr*; meninggal pada tahun 279H.

⁴² Beliau ialah Abū 'Abd al-Raḥmān 'Abd Allāh Ibn Mubārak al-Ḥanzalī; lahir pada tahun 118H; seorang ulama fiqh dan hadith; tinggal di Khurasan dan meninggal di Hayt pada tahun 181H.

⁴³ Al-Tirmidhī (t.t.), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 465.

golongan *mutakallimūn* yang bebas daripada *tashbīh*,⁴⁴ *ta'tīl*⁴⁵ dan perkara-perkara bid'ah Rawāfiq,⁴⁶ Khawārij, Jahmiyyah,⁴⁷ Najjāriyyah⁴⁸ dan golongan sesat lain yang mengikuti hawa nafsu.

- ii. golongan imam-imam dalam ilmu fiqh daripada dua aliran *al-ra'y* dan al-hadith. Mereka berpegang pada iktikad yang sah mengenai sifat Allah, ZatNya dan mereka bersih daripada pegangan Qadariyyah⁴⁹ dan Mu'tazilah.
- iii. golongan yang memiliki ilmu mendalam tentang jalan riwayat hadith Nabi s.a.w., Sunnah yang datang daripada Nabi s.a.w. dan perbezaan antara riwayat yang sah dan batil. Mereka juga mahir dalam ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dan tidak mencampuradukkan ilmu mereka dengan sesuatu daripada golongan hawa nafsu yang sesat.
- iv. golongan yang mendalami ilmu sastera, nahu, saraf dan mengikut jejak imam-imam dalam bidang bahasa seperti al-Khalīl, Abū 'Amrū b. al-'Alā, Sibawayh, al-Farrā' dan lain-lain daripada Kūfah dan Baṣrah yang tidak mencampuradukkan ilmu mereka dengan

⁴⁴ *Tashbīh* juga disebut *tajsīm* iaitu satu aliran yang memahami nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith mengikut zahirnya seperti menyamakan sifat-sifat Tuhan dengan sifat-sifat makhluk. Dari sini lahirnya golongan *Mushabbihah* atau *Mujassimah*. Lihat: *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991. h. 60.

⁴⁵ *Ta'fīl* pula ialah satu aliran menafikan kesemua *asmā'* dan *ṣifāt* ketuhanan pada zat Allah (s.w.t.). Dari sinilah lahirnya golongan *Mu'aṭṭilah*. Lihat: Muḥammad b. Khalīfah al-Tamīmī. (1414 H), *Mu'taqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah fī Tawḥīd al-Asmā' wa al-Sifāt*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 76.

⁴⁶ *Rawāfiq* ialah satu golongan yang berpecah daripada Syiah kerana menolak pendapat Zayd b. 'Alī yang mengiktiraf khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq dan khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb. Lihat: Ḥusayn 'Alī Ḥamd (1998), *Qamūs al-Madhāhib wa al-Adyān*. Beirut: Dār al-Jayl, h. 101.

⁴⁷ *Jahmiyyah* ialah satu golongan yang berpecah daripada *Jabriyyah* yang dinisbahkan kepada al-Jahm b. Ṣafwān. Mereka berpendapat manusia tidak ada pilihan, malah terpaksa di atas segala perbuatannya. Al-Qur'an adalah makhluk dan manusia tidak dapat melihat Allah (s.w.t.) pada hari kiamat kelak. Lihat: *Ibid.*, h. 79.

⁴⁸ *Najjāriyyah* ialah salah satu golongan yang berpecah daripada *Murji'ah Qadariyyah* yang diasaskan oleh al-Ḥusayn b. Muḥammad al-Najjār. Mereka menganggap bahawa iman itu ialah makrifat Allah (s.w.t.) dan mengakui kewujudanNya. Kejahilan tentang kewujudan Allah (s.w.t) merupakan satu kekufuran terhadapNya. Lihat: *Ibid.*, h. 185.

⁴⁹ *Qadariyyah* ialah golongan yang menyatakan perbuatan itu terhasil daripada manusia sendiri dan bukannya dengan *Qaḍā'* dan *Qadar* Allah (s.w.t.). Ini bermakna manusia berkuasa dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatannya. Lihat: *Ibid.*, h. 159 – 160.

- bid'ah sesat seperti Qadariyyah, Rāfiḍah dan Khawārij. Sesiapa yang cenderung kepada mana-mana aliran sesat tersebut, dia tidak termasuk dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.
- v. golongan yang mempunyai ilmu mendalam dalam bidang qirā'āt, ilmu tafsir dan takwil yang menepati mazhab Ahl al-Sunnah.
 - vi. golongan ahli zuhud dan sufi yang memiliki mata hati yang tajam, dapat memelihara diri daripada perkara yang tidak sepatutnya, sentiasa menilai diri, menjejaki pengalaman kerohanian, mengambil iktibar dengan sebaiknya dan reda dengan apa yang ditakdirkan Allah SWT.. Mereka menghuraikan ilmu mereka berdasarkan ilmu hadith, pegangan iktikad mereka ialah tauhid yang menolak *tashbīh* dan mazhab mereka ialah *tafwīd* kepada Allah SWT..
 - vii. golongan yang bersiap sedia menjaga kubu-kubu Muslimin dalam menghadapi orang-orang kafir, berjuang menentang musuh Islam dan memberi perlindungan kepada wanita dan rumah tangga mereka.
 - viii. negeri-negeri yang mendukung mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁵⁰

Ibn Ḥazm (m. 548H)⁵¹ pula mentakrifkan Ahl al-Sunnah sebagai mereka yang disebut sebagai Ahl al-Ḥaqq dan golongan selain daripada mereka dikenali sebagai Ahl al-Bid'ah. Mereka terdiri daripada para sahabat r.a. dan semua orang yang mengikut manhaj mereka iaitu para tābi'īn, ahli hadith dan pengikut mereka dari kalangan ulama' fiqh generasi demi generasi hingga ke hari ini dan pengikut mereka yang terdiri daripada orang awam di timur dan barat.⁵²

Ibn al-Jawzī (m. 597H)⁵³ mentakrifkan Ahl al-Sunnah sebagai Ahl al-Naql dan al-Āthār yang mengikut hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan *āthār* sahabat-sahabatnya kerana mereka berada di atas jalan yang tidak

⁵⁰ 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī (2001), *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 276 – 279.

⁵¹ Beliau ialah Abū Muḥammad 'Alī b. Aḥmad b. Sa'īd Ibn Ḥazm; dilahirkan di Cordova pada tahun 384H; seorang tokoh yang terkenal dalam berbagai disiplin ilmu Islam; pendukung mazhab fiqh *al-Zāhiri* yang diasaskan oleh Abū Sulaymān b. 'Alī al-Zāhiri; meninggal pada tahun 548H.

⁵² 'Alī Ibn Ḥazm (1395H), *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 113.

⁵³ Beliau ialah Jamāl al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān b. 'Alī al-Baghdādī Ibn al-Jawzī, lahir di Baghdad pada tahun 508H seorang tokoh ulama terkenal dalam pelbagai disiplin ilmu Islam; meninggal pada tahun 597H.

berlaku perkara-perkara baru (bid'ah). Perkara-perkara bid'ah hanya berlaku selepas Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya.⁵⁴

Ibn Taymiyyah (m. 728H) pula berpendapat bahawa Ahl al-Sunnah ialah golongan yang berpegang pada kitab Allah, Sunnah Rasulullah s.a.w. dan apa yang disepakati oleh *al-Sābiqūn al-Awwalūn* yang terdiri daripada golongan Muhajirin dan Ansar serta orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik.⁵⁵

Al-Saffārīnī (m. 1188H)⁵⁶ pula berpendapat bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah Ahl al-Islām dan Ahl al-Tawhīd yang berpegang pada sunnah yang sabit daripada Rasulullah s.a.w. di dalam bidang akidah dan *nihal*. Ibadah batin dan zahir mereka tidak pula dicemari oleh bid'ah Ahl al-Ahwā' dan Ahl al-Kalām dalam bidang ilmu akidah.⁵⁷

Muhammad Siddīq Khān pula berkata: Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah ialah Ahl al-Ḥadīth yang mengikut Rasulullah s.a.w., bertauhid dan berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah RasulNya yang suci.⁵⁸

Prof. Dr. Hamka⁵⁹ pula berpendapat bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu ialah orang yang mengikuti Sunnah Nabi s.a.w. dan para ulama' mujtahid yang mengeluarkan pendapat yang bebas sebagai hasil ijtihadnya. Orang-orang yang menganut mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hambali di dalam soal furu' ialah golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sedangkan

⁵⁴ Ibn al-Jawzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān b. 'Ali al-Baghdādī (t.), *Talbīs Iblīs*, t.t.p.: t.p., h. 16.

⁵⁵ Ibn Taymiyyah (t.t.), *Majmū' Fatāwā Shaykh al-Islām Aḥmad Ibn Taymiyyah*. j. 3, Rabāṭ, Maghrib: al-Maktab al-Ta'limī al-Sa'ūdī, h. 375.

⁵⁶ Beliau ialah Muḥammad b. al-Ḥājī Aḥmad b. Sālim al-Saffārīn; dilahirkan pada 1114H di Saffārīn, Nābulus, Palestin; seorang tokoh ulama terkenal dalam pelbagai disiplin ilmu Islam; beliau banyak menghasilkan kitab; meninggal pada tahun 1188H.

⁵⁷ Muḥammad b. 'Alī b. Sallūm (1983), *Mukhtaṣar Lawāmi' al-Anwār al-Bahiyyah wa Sawāti' al-Asrār al-Athariyyah*. Muḥammad Zahrī al-Najjār (tah.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 15.

⁵⁸ Muḥammad Ṣiddīq Khān (t.t.), *al-Dīn al-Khālīṣ*, jil. 3. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 418.

⁵⁹ Beliau ialah Haji Abdul Malik b. Syeikh Karim b. Syeikh Abdul Karim b. Syeikh Muhammad Amrullah; dilahirkan di Sungai Batang, Maninjau, Daerah Minangkabau, Sumatera pada 17 Februari 1908; seorang tokoh pendakwah yang disegani; seorang yang bijak serta mahir dalam bidang kesusasteraan, penulisan kreatif dan prolific, ahli pujangga dan ahli falsafah Islam; meninggal pada 24 Julai 1981.

Shī'ah, Khawārij dan Mu'tazilah tidak termasuk di dalamnya. Demikian juga pendukung-pendukung bid'ah yang menambah, apatah lagi mengurangi ajaran Nabi Muhammad s.a.w. tidak termasuk dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Di dalam ilmu Kalam, mazhab al-Ash'arī dan al-Māturīdī ialah mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁶⁰

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah golongan yang berpegang teguh kepada ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta apa yang para sahabat, tābī'in dan pengikut mereka hingga hari ini beriltizam dengan keduanya sama ada melalui perkataan, perbuatan mahupun iktikad dan bertepatan dengan sumber-sumber tersebut. Oleh itu, tidak termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mereka yang merupakan ahli bid'ah dan orang awam yang bertaklid.⁶¹ Ini kerana ahli bid'ah dan juga orang awam bukanlah merupakan golongan yang boleh diteladani dan diikuti serta merekalah yang sebenarnya

⁶⁰ Umar Hasyim (1999), *Siapa Ahlus Sunnah Wal Jamaah?*. Batu Caves, Selangor: Galeri Watikah Sdn. Bhd., h. 282 – 283; lihat : Mohd. Radzi Othman & O. K. Rahmat (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 63.

⁶¹ Taklid itu ialah menerima atau mengikuti pandangan orang lain tanpa menggunakan dalil dan hujah. Larangan bertaklid jelas dinyatakan dalam surat al-Isra' ayat 36 yang bermaksud: "Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan (yang tidak kamu ketahui) tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semua anggota itu akan ditanya tentang apa yang dilakukannya". Maksud ayat ini jelas melarang umat Islam mengikuti sesuatu tanpa mengetahui dalilnya atau dasarnya yang jelas. Dalam aspek akidah, Islam menuntut umatnya supaya berfikir dan meneliti tentang kekuasaan Allah dan Islam melarang berakidah tanpa dalil akli yang benar. Oleh sebab itu, manusia dituntut menggunakan pancaindera yang lima untuk mengenal Allah dan membuktikan kewujudan dan kekuasaan Ilahi berdasarkan dalil akal yang waras dan sihat. Ini berbeza dengan ittiba' yang bermaksud mengikuti atau menurut apa-apa yang diperintah agama dan menjauhi apa yang dilarang berdasarkan dalil yang terang nyata. Justeru, umat Islam dituntut berittiba' dengan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam perkara akidah, ibadat dan akhlak supaya tidak terjerumus dengan ajaran yang menyeleweng. Inilah yang ditegaskan Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Maidah, ayat 104 yang bermaksud: Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah menurut apa yang diturunkan Allah (al-Quran) dan kepada Rasul-Nya (Sunnah)." Mereka menjawab, "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya. Adakah mereka akan mengikuti juga walaupun datuk nenek mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak (pula) mendapat hidayah petunjuk (ke jalan yang lurus)?"

yang mengikuti ulama yang termasuk dalam kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Selain daripada itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga dikenali sebagai Ahl al-Ḥadīth kerana mereka merupakan golongan yang mengikuti jejak Nabi s.a.w., para sahabatnya dan jejak *al-Salaf al-Ṣāliḥīn* daripada kalangan ulama' kaum Muslimin. Mereka berpegang teguh pada agama yang kukuh dan kebenaran yang terang sebagaimana yang dipegang oleh golongan salaf. Mereka membenci ahli bid'ah yang telah memasukkan perkara-perkara baru ke dalam agama dan akhirnya menyeleweng daripada ajarannya.⁶²

Setiap orang yang mengikuti Rasulullah s.a.w. dengan penuh sempurna, maka *maḥabbah* Allah kepadanya lebih sempurna lagi. Tidak ada siapa dalam umat ini yang paling banyak mengikuti hadith Rasulullah s.a.w. dan paling patuh kepada Sunnahnya daripada mereka ini. Oleh sebab itulah, mereka dinamakan Aṣḥāb al-Ḥadīth dan juga Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁶³

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan Aṣḥāb al-Ḥadīth kerana amalan, perbuatan dan iktikad mereka diambil daripada hadith Rasulullah s.a.w..⁶⁴ Dalam pengertian yang sama, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga

⁶² Abū Ismā'īl al-Ṣābūnī (1404H), *'Aqīdah al-Salaf Aṣḥāb al-Ḥadīth*. Badr al-Badr (tah.). Kuwait: al-Dār al-Salafīyah, h. 99 – 100.

⁶³ Abū al-Muẓaffar al-Asfiraynī (1359H), *al-Tabṣīr fī al-Dīn*. Kaherah: Maṭba'ah al-Anwār, h. 114.

⁶⁴ 'Abd al-Qādir b. Mūsā b. 'Abd Allāh al-Jaylānī (1996), *al-Ghunya li Ṭālibī Ṭarīq al-Ḥaqq*. Halab: Maktabah Usāmah b. Zayd, h. 121.

dikenali sebagai Ahl al-Athar atau *al-Athariyyah*⁶⁵ kerana *al-āthār* menurut istilah ulama' hadith adalah sinonim kepada hadith.⁶⁶

Menurut al-Saffārīnī, Ahl al-Athar ialah golongan yang menerima akidah daripada sumber yang asli di dalam al-Qur'an, Sunnah Rasulullah s.a.w. dan yang sahih daripada *al-Salaf al-Salīh* yang terdiri daripada para sahabat, tābi'īn dan ulama'-ulama' yang mengikuti jejak mereka.⁶⁷

Salaf juga merupakan salah satu istilah yang merujuk kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Maksud *Salaf* di sini ialah para sahabat, tābi'īn, *atbā' al-tābi'īn* dan para imam yang adil seperti *Imām Mujtahidīn* yang tidak dituduh melakukan bid'ah dan diberi gelaran yang tidak baik seperti Khawārij, Rāfiḍah, Mu'tazilah, Jabariyyah dan kesemua golongan yang menyimpang daripada landasan yang benar.⁶⁸

⁶⁵ *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* memiliki metode meliputi nas qat'i, iaitu al-Qur'an dan hadith sahih yang jelas. Nas qat'i harus didahulukan sebelum penggunaan akal fikiran. Al-Ra'y iaitu akal fikiran dipergunakan dalam perkara nas yang tidak qat'i atau tidak ada nas. Penggunaan al-Ra'y adalah untuk menghasilkan hukum agama yang lazim disebut ijthad, yang dilakukan oleh mereka yang memenuhi syarat supaya hasilnya sentiasa berada pada garis kebenaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Manakala orang yang tidak mampu memenuhi syarat tersebut, dituntut mengikuti hasil ijthad para ulama yang memenuhi syarat. Alasan penggunaan al-Ra'y adalah berdasarkan hadith ketika Nabi Muhammad s.a.w mengutus sahabat Mu'adh bin Jabal ke Yaman. Sahabat tersebut memberikan jawapan atas persoalan yang ditanyakan oleh Nabi s.a.w kepadanya bahawa dia akan selalu memberikan hukum berdasarkan al-Quran dan al-Hadith; kalau tidak diketemui jawabannya, maka dia akan berijtihad menggunakan al-Ra'y. Nabi s.a.w membenarkan dan memperakui jawapan Mu'adh. Penggunaan al-Ra'y harus dilakukan dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan karena dalam hal ini yang dicari bukanlah hal-hal duniawi tetapi hukum agama. Hadith Nabi s.a.w ada menerangkan bahawa sesiapa yang mentafsirkan al-Qur'an dengan pendapat atau selera sendiri, maka baginya tempat di dalam neraka. Keharusan bagi seseorang yang tidak mampu memenuhi syarat berijtihad sendiri adalah dengan mengikut pendapat para ulama yang berijtihad dan bertanya kepada yang lebih alim. Orang yang tidak berilmu harus bertanya kepada orang yang lebih berilmu. Di antaranya yang dapat diikuti iaitu para ulama mujahidin yang memenuhi syarat-syarat ijthad dan hasil ijthadnya dapat diketahui dengan mudah melalui hasil-hasil karya mereka. Mengikuti hasil ijthad ulama inilah yang disebut sebagai bermazhab atau bertaklid.

⁶⁶ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (t.t.), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Muḥammad Bahjah al-Bayṭār (tah). Kaherah: 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh, h. 61.

⁶⁷ Muḥammad b. 'Alī b. Sallūm (1983), *op. cit.*, h. 51.

⁶⁸ 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī (2001), *op. cit.*, h. 318 – 320.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga dianggap sebagai al-Firqah al-Nājiyah berdasarkan hadith-hadith di atas kerana mereka terselamat daripada kesesatan dan azab api neraka di samping mereka mengikut *manhaj* kitab Allah dan Sunnah RasulNya. Selain daripada itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga dikenali sebagai al-Ṭā'ifah al-Mansūrah kerana merekalah golongan yang dipelihara Allah untuk memikul tanggung jawab agama dan menunaikan amanah Islam sehingga hari kiamat.⁶⁹ Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ حَتَّى يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ ظَاهِرُونَ

Maksudnya :

*Sentiasalah ada suatu golongan di kalangan umatku yang mempertahankan kebenaran sehingga datang keputusan Allah, mereka tetap dalam keadaan mempertahankan kebenaran tersebut.*⁷⁰

POLEMIK KLASIFIKASI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH

Seterusnya, persoalan tentang siapakah sebenarnya golongan yang termasuk dalam aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga merupakan isu yang diperdebatkan di kalangan *al-firqah* sehingga masing-masing mendakwa bahawa merekalah yang sebenarnya pendukung aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Shi'ah Imāmiyyah Rāfiḍah mendakwa merekalah golongan yang disebut Rasulullah s.a.w. sebagai al-Firqah al-Nājiyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁷¹ Mu'tazilah juga mendakwa bahawa mereka juga adalah al-Firqah al-Nājiyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dengan bersandarkan hadith palsu rekaan mereka.⁷²

⁶⁹ Muḥammad 'Abd al-Hādī al-Miṣrī (1413H), *op. cit.*, h. 58; lihat : Muḥammad b. Ibrāhīm al-Ḥamd (1998), *'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaymah, h. 17.

⁷⁰ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Kitāb al-Manāqib, Bāb 26, j. 6, no. Hadith: 3640, h. 632; Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Imārah, Bāb Lā Tazāl Ṭā'ifah min Ummati Zāhirin 'ala al-Haqq, j. 13, no. Hadith: 1920 & 1921, h. 65.

⁷¹ Ibn Taymiyyah telah mematahkan hujah golongan Syiah tersebut dengan lapan hujah sebagaimana dijelaskan secara panjang lebar dalam kitabnya *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Lihat : Ibn Taymiyyah (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 444 – 484.

⁷² Lihat : Ibn al-Murtada' Aḥmad b. Yaḥyā (1316H), *al-Munyah wa al-'Amal*. Beirut: Dār Ṣādir, h. 2 – 3.

Tidak ketinggalan, al-Ashā'irah juga menamakan diri mereka sebagai al-Firqah al-Nājiyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ulama'-ulama' ilmu Kalam aliran al-Ashā'irah sentiasa menyebut di dalam karangan-karangan mereka bahawa segala pandangan dan hujah yang dikemukakan dalam satu-satu isu berdasarkan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁷³ Malah al-Saffārīnī telah membahagikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepada tiga golongan iaitu al-Athariyyah yang dipimpin oleh Aḥmad b. Ḥanbal, al-Ash'ariyyah yang dipimpin oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī⁷⁴ dan al-Māturīdiyyah yang dipimpin oleh Abū Manṣūr al-Māturīdī.⁷⁵

Pembahagian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepada tiga golongan iaitu al-Athariyyah (Salaf), al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah boleh dipersoalkan kerana Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang merupakan al-Firqah al-Nājiyah pada hakikatnya satu *firqah* yang disebut Nabi s.a.w. dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad dan Ibn Mājah.⁷⁶ Tambahan pula, al-Ashā'irah berbeza pendapat dengan Salaf berkenaan *al-Sifāt al-Khabariyyah*. Salaf mengisbatkan sifat tersebut tanpa sebarang takwil manakala al-Ashā'irah pula mentakwilkannya sesuai dengan kesempurnaan Allah SWT..⁷⁷

⁷³ Lihat : Abū Bakr b. al-Ṭayyib al-Bāqillānī (1963), *al-Inṣāf Fīmā Yajibu I'tiqāduhu walā Yajuzu al-Jahl Bihi*. Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (tah.). t.t.p.: Muassasah al-Khanjī. h. 108; 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī (2001), *op. cit.*, h. 34; Abū al-Muzaffar al-Asfiraynī (1359H), *op. cit.*, h. 16; Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1985), *Qawā'id al-'Aqā'id*. Marsī Muḥammad 'Alī (tah.) Beirut: 'Ālam al-Kutub, h. 71.

⁷⁴ Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dikatakan telah kembali kepada mazhab Salaf yang dipelopori oleh Aḥmad bin Ḥanbal. Malah kitab-kitab karangannya iaitu *Maqālāt al-Islāmiyyīn* dan *al-İbānah 'an Uṣūl al-Diyānah* secara keseluruhannya mewakili pandangan mazhab Salaf. Al-Ash'arī dikatakan telah melalui tiga peringkat yang berbeza bermula daripada mazhab Mu'tazilah seawal umurnya 10 tahun hingga umurnya 40 tahun, kemudian beliau mengikuti aliran 'Abd Allāh ibn Sa'īd ibn Kullāb yang dikenali sebagai aliran al-Kullābiyyah. Akhirnya, al-Ash'arī mengikuti aliran Salaf yang didukung oleh Aḥmad b. Ḥanbal. Manakala mazhab al-Ashā'irah yang menjadi pegangan umat Islam kini sebenarnya berasaskan pegangan al-Ash'ari kepada aliran dan pendapat Ibn Kullāb, bukannya aliran Salaf yang diikuti pada akhir hayatnya. Lihat : Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (1409H), *op. cit.*, h. 7 – 14.

⁷⁵ Muḥammad b. 'Alī b. Sallūm (1983), *op. cit.*, h. 58.

⁷⁶ Lihat : Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Bāqī Musnad al-Mukthirīn, Bāb Musnad Anas b. Mālik, j. 3, no. Hadith: 12022, h. 98; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Umam, j. 2, no. Hadith: 3993, h. 1332.

⁷⁷ Sebagai contohnya, Salaf mengisbatkan "tangan" pada Allah (s.w.t.), bersemayam di atas singgahsanaNya, Allah (s.w.t.) dapat dilihat di syurga kelak dengan pandangan mata kasar tanpa sebarang takwil, sedangkan al-Ashā'irah mentakwilkan "tangan"

Dalam konteks ini, al-Syeikh ‘Abd al-‘Azīz b. Bāz telah memberikan pandangan terbaik bagi menyelesaikan polemik dan kontroversi sama ada al-‘Ashā‘irah termasuk dalam aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ataupun tidak. Menurut beliau, golongan yang mentakwilkan sifat-sifat Allah SWT. seperti al-Ashā‘irah sebenarnya tidak terkeluar daripada aliran Ahl al-Sunnah kerana mereka juga bersependapat dengan Ahl al-Sunnah dalam kebanyakan persoalan akidah yang lain selain persoalan sifat-sifat Allah SWT. Justeru, al-Ashā‘irah merupakan pendukung aliran Ahl al-Sunnah dalam bab-bab berkenaan, tetapi dalam ketika yang lain mereka bukannya pendukung aliran Ahl al-Sunnah apabila membicarakan bab sifat-sifat Allah SWT.⁷⁸

KESIMPULAN

Daripada kesemua pendapat tentang pengertian *al-Jamā‘ah* di atas, dapat disimpulkan bahawa *al-Jamā‘ah* itu merujuk kepada bersatu menurut seorang imam yang menunaikan tuntutan syarak. Maka wajib berpegang dengan *al-Jamā‘ah* yang seumpama ini dan haram keluar daripadanya. Ia juga merujuk kepada jalan yang ditempuhi oleh Ahl al-Sunnah dengan *ittibā‘* dan menjauhi *ibtidā‘*. Inilah juga golongan yang dikenali sebagai mazhab Ahl al-Ḥaqq. Berdasarkan pengertian ini, ada yang mentafsirkan pengertian *al-Jamā‘ah* itu sebagai sahabat, *ahl al-‘ilm* dalam pelbagai disiplin ilmu, *ahl al-ijmā‘* atau *al-sawād al-a‘ẓam*. Kesemua istilah tersebut kembali kepada pengertian yang satu iaitu “sesiapa yang mengikuti jalan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat”, sama ada mereka itu sedikit atau ramai sesuai dengan kedudukan umat yang berselerakan di pelbagai tempat dan zaman. Oleh yang demikian, ‘Abd Allāh b. Mas‘ūd pernah berkata:

الجماعة ما وافق الحق وإن كنت وحدك .

Yang bermaksud:

al-Jamā‘ah itu ialah sesuatu yang menepati *al-ḥaqq* walaupun kamu seorang diri.⁷⁹

sebagai manifestasi kekuasaan dan kebesaran Allah (s.w.t.), bersemayam di atas singgahsana sebagai lambang kebesaran Allah (s.w.t.) menguasai dan mentadbir alam semesta dan sebagainya. Lihat : ‘Alī b. ‘Alī b. Muḥammad b. ‘Abī al-‘Izz al-Dimashqī (1987) , *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*. j. 1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 256 – 270.

⁷⁸ Al-Shaykh ‘Abd al-‘Azīz b. Bāz (1984), *Tanbīhāt Ḥammah ‘alā Mā Katabahu Muḥammad b. ‘Alī al-Sābūnī* . Kuwait: al-Dār al-Salafiyyah, h. 37 – 38 .

⁷⁹ Abū Syāmah (1401 H), *al-Bā‘ith ‘Alā Inkār al-Bida‘ wa al-Ḥawādith*. Mekah: Maṭba‘ah al-Nahḍah al-Ḥadīthah, h. 22.

Dalam satu riwayat yang lain, 'Abd Allāh b. Mas'ūd juga berkata:

الجماعة ما وافق طاعة الله وإن كنت وحدك .

Yang bermaksud:

Al-Jamā'ah itu ialah sesuatu yang menepati ketaatan kepada Allah walaupun kamu seorang diri.⁸⁰

⁸⁰ Al-Lālikā'ī (2001), *op. cit.*, j. 1. h. 105.

